



Headline: Duit RM317,500 milik pesara guru disapu Macau Scam
Publication/Portal: Kosmo
Date: 12 September 2018

Language: Malay
Section: Negara
Page: 2

Duit RM317,500 milik pesara guru disapu Macau Scam

BATU PAHAT - Seorang pesara guru kerugian RM317,500 apabila menjadi mangsa kepada sindiket Macau Scam selepas mengeluarkan wang simpanannya dan kemudian mendepositkan wang tersebut ke akaun pihak yang tidak dikenali pada Selasa lalu.

Pemangku Ketua Polis Daerah Batu Pahat, Superintendan K. S. Mender Singh berkata, wanita berumur 60 tahun itu ditipu setelah menerima panggilan daripada seorang lelaki pada pukul 10.30 pagi yang menyamar sebagai kakitangan mahkamah.

Beliau berkata, panggilan berkenaan kemudian disambung kepada pihak polis bagi meyakinkan mangsa bahawa dia mempunyai kesalahan yang perlu tindakan segera untuk diselesaikan.

"Suspek menyatakan bahawa

mangsa mempunyai tunggakan kad kredit dan dalam masa yang sama, kad kredit terbabit digunakan oleh individu lain untuk melakukan jenayah.

"Mangsa terkejut apabila dia disyaki terlibat sama dengan urusan pengedaran dadah dan kad kredit terbabit juga terlibat dalam aktiviti perubahan wang haram," kata beliau menerusi satu kenyataan semalam.

Mender berkata, mangsa yang takut dengan tuduhan tersebut terus mengikut segala arahan suspek dengan memberikan butiran akaun bank miliknya kepada suspek yang kononnya diperlukan bagi siasatan lanjut dalam kedua-dua kes berkenaan.

"Mangsa diarahkan untuk melakukan deposit tunai sebanyak RM317,500 dan wangnya akan dikembalikan sebaik siasatan se-

lesai, yang dikatakan tidak sampai tempoh 30 minit.

"Mangsa akhirnya menyedari ditipu apabila tidak menerima semula wangnya seperti dijanjikan dalam tempoh 30 minit selain gagal menghubungi nombor telefon suspek," katanya.

Beliau berkata, mangsa kemudian membuat laporan di Balai Polis Batu Pahat dan polis kini sedang mengesan suspek yang dipercayai turut terlibat dalam beberapa kes sama sebelum ini.

Dalam perkembangan lain, Mender berkata, pihaknya kini giat membanteras kegiatan judi di daerah ini dan sudah melakukan 27 serbuan pada minggu lepas.

Beliau berkata, pihaknya menahan 27 individu yang terlibat dalam kegiatan itu selain wang tunai RM3,333 serta peralatan yang digunakan termasuk sebuah tablet untuk kegiatan judi dalam talian.
- Bernama



MENDER SINGH

INFO

Kes-kes mangsa penipuan sindiket Macau Scam

- **5 September 2018** - Seorang pegawai kerajaan di Sibul, Sarawak rugi RM3,270 selepas menerima panggilan telefon daripada seorang lelaki yang menyamar sebagai pegawai bank yang meminta maklumat akaun miliknya bagi menyelesaikan hutang pinjaman peribadi
- **2 Ogos 2018** - Seorang guru besar sekolah rendah di Maran, Pahang kerugian RM31,250 apabila terpedaya dengan taktik sindiket Macau Scam yang menyamar sebagai pegawai bank dan anggota polis untuk menakut-nakutkan mangsa
- **18 Julai 2018** - Seorang pesara kerajaan berusia 58 tahun kerugian RM85,246 apabila ditipu oleh panggilan sindiket Macau Scam yang

mendakwa dirinya sebagai kakitangan Mahkamah Tinggi Alor Setar, Kedah dan mendakwa mangsa mempunyai tunggakan bayaran Perkeso

- **3 Jun 2018** - Seorang Pensyarah wanita berusia 48 tahun di sebuah universiti awam di Kota Kinabalu, Sabah kerugian RM260,000 selepas diperdaya sindiket penipuan Macau Scam menyamar pegawai bank
- **7 April 2018** - Seorang penjawat awam di Kuantan, Pahang rugi RM7,200 akibat ditipu sindiket Macau Scam selepas dihubungi seorang lelaki yang menyamar sebagai pegawai kastam dan menyatakan mangsa akan dipenjarakan kerana tidak membayar Cukai Barang dan Perkhidmatan